

04 APR 2000

PELANTIKAN ABU SEMAN SATU PENGIKTIRAFAN BAGI MELAKA - MOHD ALI

MELAKA, 4 April (Bernama) -- Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Mohd Ali Rustam percaya Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (Mara) yang baru Datuk Wira Abu Seman Abu Yusop dapat melaksanakan tanggungjawab dengan cemerlang dalam meningkatkan tahap sosio ekonomi bumiputera terutama di luar bandar.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas pelantikan Abu Seman kerana ia merupakan pengiktirafan berharga kepada penduduk negeri ini," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Pelantikan Abu Seman sebagai Pengerusi Mara berkuatkuasa hari ini bagi tempoh selama dua tahun. Beliau menggantikan anggota Parlimen Parit Sulong, Datuk Ruhanie Ahmad yang tempoh perkhidmatannya tamat pada 31 Mac lepas.

Abu Seman merupakan anggota Parlimen Alor Gajah sejak 1995 dan beliau juga adalah Ketua Umno Bahagian dan pengerusi Yayasan Alor Gajah.

Mohd Ali berkata sudah agak lama anak Melaka tidak menjawat jawatan pengerusi sebuah agensi persekutuan.

Kali terakhir jawatan itu disandang oleh Datuk Ibrahim Jendol pada awal 90an sebagai Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

-- BERNAMA

NO rhm